

# Tip Memahami Petikan Umum



Membaca dan memahami petikan sangat penting. Kemahiran membaca sebagai pemahaman dapat dilakukan melalui pembacaan secara senyap dan kuat. Namun demikian, hal ini bergantung pada kemahiran seseorang melalui latihan yang kerap. Dalam hal ini, guru berperanan mendidik pelajar supaya mahir membaca dengan pantas, mencari isi penting mengikut kehendak soalan dan menulis kembali dalam bentuk ringkasan yang padat dan bernas. Untuk memahami pemahaman petikan umum, pelajar mestilah dibiasakan membaca petikan, seperti berita, wawancara, dialog, rencana dan syarahan. Kemahiran membaca dan memahami boleh diajar di kelas melalui mata pelajaran Bahasa Melayu.

Soalan ringkasan dan pemahaman petikan umum tingkatan satu hingga tingkatan tiga terdapat dalam soalan Bahagian A (i) Kertas 2 Bahasa Melayu. Markah yang disediakan ialah 20 markah. Calon atau pelajar dikehendaki menulis lima isi penting daripada petikan dalam bentuk perenggan tidak melebihi 80 patah perkataan. Yang paling penting ialah memahami kehendak soalan dan membaca soalan ringkasan untuk mengetahui kata kunci tugas. Baca petikan ringkasan untuk mengetahui tema keseluruhan petikan. Sila tandai ayat yang menjawab kata kunci tugas. Bahagian dalam ayat merupakan contoh atau keterangan hendaklah ditinggalkan. Ingatlah bahawa isi ringkasan tidak semestinya ada dalam setiap perenggan. Tulis ringkasan karangan selepas semua isi penting yang telah dikenal pasti. Pelajar dinasihati supaya menulis satu ayat bagi setiap isi ringkasan. Tulis isi ringkasan antara lima hingga tujuh isi yang terdapat dalam petikan.

Ayat yang dibina hendaklah ringkas, tepat dan padat. Gunakan ayat sendiri dengan tidak mengubah kata kunci jawapan. Gunakan penanda wacana, seperti selain itu, seterusnya, juga, pula, bukan itu sahaja dan di samping itu. Jangan tulis perkara yang tidak dinyatakan dalam petikan ataupun memberikan pendapat sendiri dalam ringkasan karangan. Tulis ringkasan dalam satu perenggan tidak melebihi 80 patah perkataan.

Menjurut sarjana bahasa, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim menjelaskan jika seseorang hendak menjadi guru Bahasa Melayu yang berkesan, dia mestilah mengetahui segala selok-belok bahasa itu. Dia harus menggunakan bahasa itu dengan betul, dalam erti kata lain menguasai segala aspek tatabahasa, perbendaharaan kata, sistem bunyi, persamaan makna yang terbit dalam pilihan perkataan dan ungkapan tertentu, serta susunan bunga bahasa yang menimbulkan unsur keindahan.



Menurut sarjana bahasa, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim menjelaskan jika seseorang hendak menjadi guru Bahasa Melayu yang berkesan, dia mestilah mengetahui segala selok-belok bahasa itu. Dia harus menggunakan bahasa itu dengan betul, dalam erti kata lain menguasai segala aspek tatabahasa, perbendaharaan kata, sistem bunyi, persamaan makna yang terbit dalam pilihan perkataan dan ungkapan tertentu, serta susunan bunga bahasa yang menimbulkan unsur keindahan.



Guru sedia maklum bahawa pedagogi asas untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bahasa Melayu, setiap guru mestilah mempunyai perbendaharaan kata, mempunyai pengetahuan yang luas, memahami gaya bahasa dan keindahan bahasa. Memetik pendapat Allah dan Corer (1975) berkaitan dengan hal yang sama, iaitu "Guru bahasa yang baik mempunyai senarai prinsip yang menjadi panduan dalam pekerjaan, iaitu beberapa pegangan umum tentang apa-apa yang berlaku apabila seseorang itu mempelajari bahasa, dengan perkataan lain, sebuah teori tentang cara bahasa diajarkan atau dipelajari."

Oleh hal yang demikian, selalulah membuat latihan ringkasan dan pemahaman untuk pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Meringkaskan petikan yang panjangnya kira-kira 250 hingga 300 patah perkataan menjadi tidak lebih daripada 80 patah perkataan. Markah bahasa dinilai secara *impression* d. diperuntukkan sebanyak 10 markah. Teliti kriteria penskoran seperti yang dijelaskan berikutnya.

Guru mesti menjelaskan kepada pelajar bahawa, biasanya bagi menjawab soalan berdasarkan pemahaman petikan Bahagian A (i), tiga soalan dikemukakan, iaitu:

- Soalan 1 – menanyakan maksud rangkai kata.
- Soalan 2 – merupakan soalan tersurat.
- Soalan 3 – merupakan soalan tersirat, yakni yang menanyakan pendapat dan pandangan tentang isu yang berkaitan dengan petikan.

Peringkat Cemerlang, markahnya ialah sembilan hingga 10 markah, iaitu bahasa yang baik dan sempurna. Ayat yang dibina ialah ayat pelajar itu sendiri dan mempunyai ciri seperti yang berikut:

1. Penggunaan kata dan jenis ayat yang pelbagai.
2. Struktur ayat yang gramatis.
3. Penggunaan penanda wacana yang betul dan sesuai.
4. Ejaan dan tanda baca digunakan dengan betul.

Peringkat Baik, markahnya ialah enam hingga lapan markah. Bahasa yang digunakan masih baik dan betul. Ayat yang dibina ialah ayat pelajar itu sendiri dan mempunyai ciri seperti yang berikut:

1. Penggunaan kata dan jenis ayat yang agak terhad.
2. Struktur ayat yang masih lagi gramatis.
3. Penggunaan penanda wacana yang betul dan sesuai.
4. Kesalahan dan tanda baca agak minimum.

“ Kesimpulannya, setiap pelajar mestilah membuat latihan ringkasan dan pemahaman sebanyak lima hingga lapan latihan dalam setahun sebagai latihan kemahiran. Membaca petikan juga mestilah dilakukan dengan pemahaman dan dapat mencari isi penting seperti yang dikehendaki dalam soalan. ”

Peringkat Memuaskan, markahnya ialah tiga hingga lima markah. Bahasa yang kurang lancar. Ejaan dan tanda baca menampakkan kesalahan yang ketara atau ayat yang digunakan merupakan ayat yang dipilih dan disalin daripada petikan asal.

Penguasaan Minimum, markahnya ialah satu hingga dua markah. Untuk markah kategori ini, penguasaan bahasanya lemah. Jawapan yang diberikan merupakan petikan yang disalin secara langsung.

Sebagai peringatan, perkara yang berikut harus dikira sebagai sepatah kata, iaitu kata nama khas, kata sendi, kata ganda, kata majmuk, ungkapan, tarikh dan angka, gelaran, cogan kata dan peribahasa.

Kesimpulannya, setiap pelajar mestilah membuat latihan ringkasan dan pemahaman sebanyak lima hingga lapan latihan dalam setahun sebagai latihan kemahiran. Membaca petikan juga mestilah dilakukan dengan pemahaman dan dapat mencari isi penting seperti yang dikehendaki dalam soalan. Latihan melalui PdP guru di kelas akan menjadikan pelajar mahir membuat ringkasan. Guru juga perlu menjelaskan kepada pelajar bahawa latihan ini bertujuan untuk memantapkan pelajar membuat rumusan pada peringkat tingkatan empat dan tingkatan lima, khususnya sebagai persediaan bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). **PB**

KATA  
NAMA KHAS KATA  
SENDI  
KATA GANDA KATA  
UNGGKAPAN MAJMUUK  
TARIKH GOGAN  
KATA  
PERIBAHASA  
GELARAN  
ANGKA